

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH :

SOALAN :

YB Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai hospital awam yang ada fasiliti "burn unit" untuk merawat mangsa terbakar dan jadual untuk melengkapkan semua hospital awam dengan "burn unit".

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat 16 buah hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang memiliki fasiliti *burn unit* untuk merawat mangsa terbakar iaitu:

- a) Hospital Kuala Lumpur termasuk Institut Pediatrik
- b) Hospital Sungai Buloh
- c) Hospital Selayang
- d) Hospital Melaka
- e) Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru
- f) Hospital Tuanku Ampuan Afzan Kuantan
- g) Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh
- h) Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu

- i) Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu
- j) Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh
- k) Hospital Pulau Pinang
- l) Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar
- m) Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu
- n) Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah, Likas
- o) Hospital Umum Sarawak
- p) Hospital Bintulu

Pada masa ini tiada perancangan untuk melengkapkan semua hospital KKM dengan unit rawatan kebakaran kerana fasiliti sedia ada boleh menampung kes-kes kebakaran tersebut. Polisi KKM adalah untuk memantapkan perkhidmatan rawatan kebakaran sedia ada, di mana:

- a) Bukan semua pesakit rawatan kebakaran perlu menerima rawatan di unit rawatan kebakaran.
- b) Pesakit yang mengalami luka kebakaran minor boleh dirawat di hospital yang menyediakan perawatan luka termasuklah hospital tanpa pakar. Pegawai perubatan yang menjaga boleh dilatih untuk memberi rawatan awal dan boleh merujuk pesakit kepada pakar sekiranya mereka tidak pasti tentang kecederaan dan rawatan selanjutnya.
- c) Pesakit yang mengalami luka kebakaran major dan memerlukan pembedahan rekonstruktif atau rawatan intensif akan dirujuk ke unit rawatan kebakaran atau unit rawatan intensif yang berdekatan. Sekiranya unit tersebut telah penuh, pesakit akan dirujuk ke unit berkenaan di negeri yang berdekatan. Unit-unit rawatan kebakaran di setiap negeri akan sentiasa menerima pesakit dari negeri lain terutama apabila berlaku bencana.

Rangkaian kerjasama serta komunikasi antara pakar pembedahan dan pakar rawatan intensif adalah penting untuk memastikan keselamatan pesakit sebelum dipindahkan. Rawatan awal seperti pemberian *fluid resuscitation*, *ventilation support* atau sokongan pernafasan dan perawatan luka akan dilakukan di hospital-hospital yang mempunyai unit rawatan intensif serta pakar pembedahan am sementara menunggu untuk dirujuk ke unit rawatan kebakaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING

SOALAN : NO. 414

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar perubatan untuk setiap Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi Negara bagi tahun 2016, terdapat seramai 22,584 orang pelajar perubatan di 11 buah Universiti Awam dan 19 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.